

Sel. P.U. 113.

**ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999
PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(PELESENAN) 2012**

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Larangan melakukan aktiviti yang ditadbir tanpa lesen
4. Permohonan bagi lesen
5. Pengeluaran lesen
6. Syarat-syarat lesen
7. Jangka masa lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Perubahan maklumat
11. Lesen tidak boleh dipindahmilik
12. Lesen disifatkan sebagai terbatal

BAHAGIAN III

PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN

13. Pembatalan dan penggantungan lesen

BAHAGIAN IV

FI

14. Fi tidak boleh dibayar balik

Sel. P.U. 113.

Peraturan

15. Deposit
16. Mendapatkan kembali fi
17. Pembayaran fi lesen

BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM

18. Daftar lesen
19. Rayuan
20. Penyerahan balik lesen
21. Pengecualian
22. Lesen sementara
23. Ketidaklayakan
24. Larangan
25. Pernyataan palsu dan mengelirukan
26. Penalti am
27. Pengkompaunan kesalahan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (PELESENAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 127 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor [*Sel. En. No. 2/1999*], Lembaga dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Urus Air Selangor (Pelesenan) 2012** dan mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Apa-apa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Peraturan-Peraturan ini hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberi kepadanya dalam Enakmen, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti yang ditadbir” ertinya aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“Enakmen” ertinya Enakmen Lembaga Urus Air Selangor [*Sel. En. No. 2/1999*];

“lesen” di dalam konteks Peraturan-Peraturan ini termasuklah kebenaran bertulis, permit, pendaftaran dan sebarang kelulusan lain yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Enakmen.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Larangan melakukan aktiviti yang ditadbir tanpa lesen

3. Tiada seorang pun boleh menjalankan sebarang aktiviti yang ditadbir tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Permohonan bagi lesen

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang permohonan yang ditentukan oleh Pengarah.

Sel. P.U. 113.

(2) Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen yang berikut berserta dengan borang permohonan:

- (a) perincian cadangan aktiviti atau pembangunan;
- (b) impak aktiviti atau pembangunan itu terhadap sumber air dan mana-mana orang yang berkaitan dengannya; dan
- (c) fi dan caj tertentu sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Pengarah boleh, selepas menerima permohonan bagi lesen yang lengkap, menghendaki pemohon atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemohon untuk hadir bagi pihaknya di hadapan Pengarah untuk ditemuduga.

(4) Pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pendaftaran seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua semasa permohonan dikemukakan dan fi pendaftaran tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak diluluskan oleh Lembaga.

Pengeluaran lesen

5. (1) Pengarah boleh, setelah memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan bagi lesen di bawah peraturan 4, meluluskan atau menolak permohonan itu.

(2) Pemohon hendaklah diberitahu mengenai kelulusan atau penolakan itu secara bertulis atau melalui media elektronik, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Apa-apa kelulusan lesen hendaklah tertakluk kepada pembayaran fi dan caj termasuklah deposit atau sekuriti sebagaimana ditetapkan oleh Pengarah yang hendaklah dibayar dalam masa yang ditentukan dan pemohon tidak mempunyai perkara atau hal yang belum selesai dengan Lembaga berhubung dengan apa-apa pelanggaran atau kesalahan di bawah PeraturanPeraturan ini atau Enakmen.

Syarat-syarat lesen

6. (1) Lesen yang dikeluarkan hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berkenaan yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Pengarah boleh, pada bila-bila masa, mengubah, menambah, membatalkan atau meminda syarat-syarat yang dikenakan pada lesen.

(3) Pemegang lesen yang tidak mematuhi syarat-syarat yang berkenaan yang dikenakan bagi lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

Jangka masa lesen

7. Suatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sah selama tempoh setahun melainkan jika—
- (a) dinyatakan selainnya dalam lesen itu; atau
 - (b) dibatalkan atau digantung di bawah peraturan 13.

Pembaharuan lesen

8. (1) Suatu lesen boleh diperbaharui apabila suatu permohonan dibuat dalam borang yang ditentukan oleh Pengarah dan apabila dibayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
- (2) Pemegang lesen yang berhasrat untuk memperbaharui lesen hendaklah, dalam tempoh tidak kurang daripada satu bulan tetapi tidak awal daripada tiga bulan sebelum tarikh habis tempoh lesen, memohon bagi pembaharuan itu.
- (3) Pengarah boleh menghendaki pemohon memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan semasa mengemukakan permohonan pembaharuan lesen.
- (4) Pengarah boleh memperbaharui lesen itu atau enggan membaharui lesen itu dan hendaklah memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya itu.
- (5) Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk menyelesaikan sebarang bayaran kepada Lembaga sebelum meluluskan permohonan tersebut.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

9. (1) Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di lokasi aktiviti berlesen dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.
- (2) Pemegang lesen yang gagal untuk mempamerkan atau mengemukakan lesen di bawah subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.
- (3) Bagi maksud peraturan ini, suatu rujukan kepada “lesen” hendaklah termasuk salinan pendua lesen itu yang disahkan oleh Lembaga sebagai suatu salinan benar lesen dan hanya boleh dikeluarkan tertakluk kepada kadar bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Perubahan maklumat

10. (1) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan Lembaga secara bertulis mengenai apa-apa perubahan maklumat atau butir-butir yang dikemukakan kepada Pengarah di bawah peraturan (4) dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.

Sel. P.U. 113.

(2) Apabila perubahan kepada maklumat atau butir-butir dikehendaki dibuat menurut subperaturan (1), pemegang lesen hendaklah menyerahkan lesen kepada Lembaga untuk meminda maklumat atau butir-butir lesen itu tertakluk kepada pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Pemegang lesen yang tidak mematuhi subperaturan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Lesen tidak boleh dipindahmilik

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dipindahmilik kecuali dengan kebenaran bertulis Pengarah dan tertakluk kepada bayaran fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(2) Permohonan untuk memindahmilik lesen hendaklah dibuat mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh mengkehendaki pemegang lesen memberi apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang didapati perlu semasa permohonan dibuat.

(4) Pengarah boleh, selepas menerima permohonan untuk memindahmilik lesen, mengkehendaki pemohon atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh pemohon untuk hadir bagi pihaknya di hadapan Pengarah untuk ditemuduga.

Lesen disifatkan terbatal

12. Lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini disifatkan terbatal apabila pemegang lesen—

- (a) menjadi tidak upaya mental;
- (b) telah dihukum bankrap;
- (c) meninggal dunia;
- (d) dalam hal syarikat, digulung; atau
- (e) dalam hal perkongsian, koperasi, pertubuhan kesatuan pekerja atau badan berkanun atau mana-mana entiti yang sah yang lain mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dibubarkan.

BAHAGIAN III

PEMBATALAN DAN PENGGANTUNGAN LESEN

Pembatalan dan penggantungan lesen

13. (1) Pengarah boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini sekiranya telah berlaku kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini

atau pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan lesen itu tanpa pembayaran ganti rugi, dan seterusnya apa-apa deposit atau sekuriti dikemukakan di bawah subperaturan 5(3) bolehlah dilucuthak kepada Lembaga.

(2) Sebelum lesen dibatalkan atau digantung di bawah subperaturan (1), Pengarah hendaklah memberitahu pemegang lesen secara bertulis, peruntukan yang telah dilanggar oleh pemegang lesen dan butir-butir hal keadaan pelanggaran itu dan menghendaki pemegang lesen itu untuk membuat representasi bertulis, dalam tempoh dua puluh satu hari, mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung.

(3) Jika selepas menimbangkan representasi itu Pengarah tidak berpuas hati atau berpendapat bahawa pemegang lesen telah gagal untuk menunjuk sebab yang munasabah mengapa lesennya tidak patut dibatalkan atau digantung, Pengarah boleh membatalkan atau menggantung lesen itu sebagaimana yang difikirkan patut.

(4) Pengarah hendaklah memaklumkan pemegang lesen dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penerimaan representasi itu mengenai keputusannya secara bertulis.

(5) Seseorang yang menjalankan atau menguruskan suatu aktiviti semasa tempoh penggantungan lesen atau setelah lesen dibatalkan adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIANIV

FI

Fi tidak boleh dibayar balik

14. Apa-apa fi yang telah dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dikembalikan.

Deposit

15. (1) Deposit yang dibayar di bawah subperaturan 5(3) hendaklah mengikut jumlah seperti yang ditentukan oleh Pengarah.

(2) Pengarah boleh melucuthak deposit atau sekuriti sepenuhnya atau sebahagiannya sekiranya Pengarah berpuas hati bahawa terdapatnya pelanggaran syarat lesen atau sekatan lesen atau pada pembatalan lesen sebelum tarikh tamat atau pelanggaran mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

(3) Lesen hendaklah terbatal apabila deposit atau sekuriti dilucuthak, melainkan dibenarkan oleh Pengarah dengan permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan lesen dan tertakluk kepada pembayaran semula deposit atau sekuriti sekiranya dilucuthak.

(4) Pembayaran deposit atau sekuriti di bawah subperaturan 5(3) hendaklah, melainkan dilucuthak menurut subperaturan (2), dikembalikan kepada pemegang lesen selepas pemegang lesen menamatkan pengendalian aktiviti berlesen dan selepas penyerahan balik lesen kepada Pengarah sekiranya lesen itu tamat.

Mendapatkan kembali fi

16. (1) Jika apa-apa fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini masih belum dibayar selepas satu bulan dari tarikh fi itu patut dibayar, atau jika fi yang telah dibayar kurang daripada amaun yang sepatutnya, maka Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu notis menghendaki orang yang ingkar itu supaya membayar amaun yang kena dibayar itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis itu.

(2) mana-mana orang yang gagal mematuhi kehendak notis itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit, dan mahkamah yang di hadapannya orang itu disabitkan, selain daripada denda itu, boleh memerintahkan orang itu supaya membayar amaun apa-apa fi yang kena dibayar dan yang masih belum dibayar pada masa sabitan itu, dan apa-apa amaun yang diperintahkan supaya dibayar sedemikian boleh didapatkan kembali menurut undang-undang yang berhubungan dengan mendapat kembali denda; dan apa-apa amaun yang didapatkan kembali sedemikian hendaklah diremitkan oleh mahkamah kepada Pengarah.

(3) Dalam apa-apa pendakwaan di bawah peraturan ini, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seseorang Pengarah yang menyatakan bahawa—

(a) pada tarikh yang dinyatakan dalam perakuan suatu notis yang menghendaki tertuduh membayar apa-apa amaun fi yang kena dibayar olehnya sebagaimana dinyatakan dalam perakuan itu telah dikeluarkan dengan sewajarnya menurut subperaturan (1); dan

(b) tertuduh telah gagal mematuhi kehendak itu,

hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pembayaran fi lesen

17. (1) Pengarah boleh, jika difikirkannya patut dan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini, memberi apa-apa lesen apabila menerima suatu cek sebanyak amaun fi yang kena dibayar baginya atau atas apa-apa cara bayaran sebagaimana ditetapkan oleh Pengarah.

(2) Jika sesuatu cek yang dikeluarkan atau cara bayaran yang lain yang dibuat berkenaan dengan suatu fi lesen kemudiannya tidak dilayani, lesen itu adalah tidak sah dari tarikh ia diberikan, dan Pengarah mengikut mana yang berkenaan, hendaklah menghantarkan kepada orang yang dikeluarkan lesen itu, melalui surat berdaftar yang dialamatkan kepadanya di alamat yang diberinya, suatu notis menghendakinya menghantarkan lesen itu kepada Pengarah, mengikut mana yang berkenaan, dalam tempoh tujuh hari dari tarikh notis itu diposkan dan jika orang itu gagal mematuhi notis itu dalam tempoh tersebut, dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

AM

Daftar lesen

18. (1) Pengarah hendaklah, tertakluk kepada Enakmen, menyimpan daftar lesen dalam bentuk yang difikirkan sesuai.

(2) Seseorang bolehlah, selepas bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dibuat—

- (a) memeriksa apa-apa dokumen yang di fail atau diserahkan-simpan dengan Lembaga yang bukannya dokumen yang telah di musnah atau selainnya dilupuskan;
- (b) menghendaki salinan lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen; atau
- (c) menghendaki salinan atau cabutan dari mana-mana dokumen yang ia berhak memeriksa menurut perenggan (a) atau mana-mana lesen yang dirujuk di dalam perenggan (b) supaya diberikan atau diberikan dan disahkan oleh Pengarah.

(3) Jika pengeluaran semula dokumen atau lesen dikemukakan untuk pemeriksaan, seseorang tidak berhak menurut perenggan 2(a) untuk menghendaki pengeluaran dokumen atau lesen asal itu.

(4) Salinan atau cabutan dari mana-mana dokumen yang difail atau diserahkan-simpan di Lembaga yang disahkan salinan atau cabutan benar di bawah tandatangan Pengarah hendaklah dalam mana-mana prosiding diterima sebagai keterangan dengan nilai kesahihan yang sama dengan dokumen asal.

Rayuan

19. (1) mana-mana orang yang terkilang dengan keengganan Lembaga memberi lesen di bawah peraturan 5 boleh merayu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Negeri dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis yang berkenaan itu disampaikan.

(2) Sesuatu rayuan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan bayaran fi seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(3) Keputusan Pihak Berkuasa Negeri atas rayuan di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

Penyerahan balik lesen

20. (1) Pemegang lesen atas apa-apa sebab yang munasabah boleh menyerah balik lesennya berserta dengan suatu notis bertulis mengenai penyerahan balik dan lesen tersebut hendaklah dibatalkan oleh Pengarah.

Sel. P.U. 113.

(2) Penyerahan balik dan pembatalan lesen itu hendaklah berkuat kuasa pada tarikh Pengarah menerima lesen dan notis itu di bawah subperaturan (1) atau pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Pemegang lesen itu hendaklah tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh penyerahan balik dan pembatalan lesen tersebut, menampal satu notis yang sedemikian di tempat yang mudah dilihat di mana aktiviti berlesen dijalankan.

Pengecualian

21. Lembaga bolehlah, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengecualikan dengan syarat sebagaimana yang difikirkan patut, mana-mana pihak berkuasa awam, orang atau kelas orang, daripada keperluan untuk dilesenkan di bawah Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini.

Lesen Sementara

22. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara menanti pertimbangan oleh Pengarah ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah subperaturan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada subperaturan (5), suatu lesen sementara boleh diberikan sekali perlanjutan sahaja bagi tempoh tidak melebihi enam bulan atas permohonan secara bertulis oleh pemohon dua puluh satu hari sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(5) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Pengarah, lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah menjadi tidak sah dengan serta-merta.

(6) Fi bagi suatu lesen sementara atau apa-apa perlanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi jumlah fi lesen yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Ketidaklayakan

23. Tiada lesen boleh dikeluarkan—

(a) kepada seorang pemohon di bawah umur lapan belas tahun;

- (b) kepada seorang pemohon yang, berdasarkan rekod Lembaga, merupakan pemegang lesen tetapi lesennya telah dibatalkan disebabkan kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen atau Peraturan-Peraturan ini atau telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau
- (c) bagi mana-mana lokasi yang pada pendapat Pengarah tidak sesuai untuk dijalankan sesuatu aktiviti berlesen.

Larangan

24. Tiada seorang pemegang lesen boleh—
- (a) melanggar, membenarkan atau menyebabkan berlakunya pelanggaran sebarang terma atau syarat lesennya; atau
 - (b) membenarkan apa-apa bentuk perbuatan yang menyebabkan kacau ganggu atau kecederaan kepada penduduk di kawasan persekitaran lokasi aktiviti berlesen.

Pernyataan palsu dan mengelirukan

25. Mana-mana orang yang dalam mana-mana dokumen yang dikehendaki oleh atau untuk tujuan Peraturan-Peraturan ini, membuat atau memberi kuasa untuk membuat suatu pernyataan palsu atau mengelirukan dalam mana-mana keterangan material dengan mengetahui ia palsu atau mengelirukan atau dengan niat meninggalkan atau membenarkan peninggalan atau kesertaan apa-apa perkara atau benda yang kemudiannya menjadikan dokumen itu mengelirukan dalam pertimbangan yang material, adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Peraturan-Peraturan ini.

Penalti am

26. Kecuali diperuntukkan secara nyata di dalam Peraturan-Peraturan ini, seseorang yang—
- (a) melakukan sesuatu yang dilarang oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini;
 - (b) tidak melakukan sesuatu yang dikehendaki atau diarah untuk melakukan, oleh atau di bawah Peraturan-Peraturan ini; atau
 - (c) melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini;

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Pengkompaunan kesalahan

27. (1) Pengarah atau mana-mana orang yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Sel. P.U. 113.

(2) Kesemua wang yang diterima di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dibayar kepada Lembaga.

JADUAL PERTAMA
[Peraturan 2 dan 3]
AKTIVITI YANG DITADBIR

1. Abstraksi air.
2. Kemasukan atau pelepasan bahan pencemar.
3. Navigasi jalan air pedalaman.
4. Aktiviti pengubahan sumber.
5. Aktiviti rekreasi air.
6. Pelencongan air bagi jana kuasa elektrik.
7. Aktiviti-aktiviti lain yang dibenarkan oleh Lembaga Urus Air Selangor.

JADUAL KEDUA
[Subperaturan 4(4), 8(1), 9(3), 10(2), 11(1), 18(2) dan 19(2)]
FI UMUM

Jenis fi	Fi (RM)
1. Pendaftaran	150.00
2. Lesen pendua	50.00
3. Pindah milik	200.00
4. Perubahan maklumat	50.00
5. Carian dan pemeriksaan	10.00
6. Cetakan carian	30.00
7. Rayuan	500.00

JADUAL KETIGA
[Subperaturan 22(6)]
FI LESEN

Jenis lesen	Fi (RM)
1. Abstraksi sumber air	200.00
2. Kemasukan atau pelepasan bahan pencemar	650.00
3. Navigasi jalan air pedalaman:	
(a) Berat vesel 0-500 tan	500.00
(b) Berat vesel 501-1000 tan	1000.00

Jenis lesen	Fi (RM)
(c) Berat vesel 1001-2000 tan	2000.00
(d) Berat vesel 2001-3000 tan	3000.00
(e) Berat vesel 3001-4000 tan	4000.00
(f) Berat vesel 4001-5000 tan	5000.00

Dibuat 1 Oktober 2012
[LUAS Sel.1008/2/5; P.U. Sel. AM 0073/11]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

**SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999**

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY (LICENSING)
REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation

PART II

LICENSING

3. Prohibition from doing administered activity without licence
4. Application for licence
5. Issuance of licence
6. Conditions of licence
7. Duration of licence
8. Renewal of licence
9. Licence to be exhibited and produced
10. Change of Information
11. Licence not transferable
12. Licence deemed revoked

PART III

REVOCAATION AND SUSPENSION OF LICENCE

13. Revocation and suspension of licence

PART IV

FEES

14. Fees non refundable
15. Deposit

Regulation

16. Recovery of fees
17. Payment of licence fees

PART V

GENERAL PROVISION

18. Register of licence
19. Appeal
20. Surrender of licence
21. Exemption
22. Temporary licence
23. Disqualification
24. Prohibition
25. False and misleading statement
26. General penalty
27. Compounding of offences

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
(LICENSING) REGULATIONS 2012

IN the exercise of powers conferred by section 127 of the Selangor Waters management Authority Enactment 1999 [*Sel. En. No. 2/1999*], the Authority with the approval of the State Authority, makes the following regulations:

PART I

PRELIMINARY

Citation and commencement

1. These regulation may be cited as **Selangor Waters Management Authority (Licensing) Regulations 2012** and come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. Any words and terms used in these Regulations shall have the same meaning as accorded in the Enactment, unless the context requires otherwise—

“administered activity” means activities as specified under the first Schedule;

“Enactment” means Selangor Waters management Authority Enactment [*Sel. En. No. 2/1999*];

“licence” in the context of these Regulations includes written approval, permit, registration or any other approval issued by the Authority under the Enactment.

PART II

LICENSING

Prohibition from doing administered activity without licence

3. No person shall operate any administered activity without a licence issued by the Authority under these Regulations.

Application for licence

4. (1) An application for a licence shall be made to the Director in such form as determined by the Director.

(2) The applicant shall furnish the following information and document together with the application form:

- (a) details of the proposed activity or development;
- (b) impact of such activity or development on the water source and any person connected therewith; and
- (c) such fees and charges as may be prescribed.

(3) The Director may, after receiving a complete application for a licence, require the applicant or his representative who is authorized in writing by the applicant to appear on his behalf before the Director to be interviewed.

(4) The applicant shall made the payment of registration fee as stipulated in the Second Schedule upon the application and it is non-refundable whether the application is approved or disapproved by the Authority.

Issuance of licence

5. (1) The Director may, after giving due consideration to an application for a licence under regulation 4, approve or refuse the application.

(2) The applicant shall be informed of the approval or refusal in writing or through the electronic means, as the case may be.

(3) Any approval of a licence shall be subject to payment of fees and charges including deposit or security as may be prescribed by the Director which shall be paid within the time specified and the applicant has no outstanding matter or case with the Authority relating to any contravention of or offence under these Regulations or Enactment.

Conditions of licence

6. (1) The licence issued shall be subject to the relevant conditions as determine by the Director.

(2) The Director may, at anytime, alter, add, cancel or amend the conditions imposed on the licence.

(3) A licensee who fails to comply with the relevant conditions imposed on a licence commits an offence.

Duration of licence

7. A licence issued or renewed under these Regulations, shall be valid for a period of one year unless—

- (a) otherwise specified in the licence; or
- (b) revoked or suspended under regulation 13.

Sel. P.U. 113.

Renewal of licence

8. (1) A licence may be renewed upon an application being made in the form determined by the Director and upon payment of the fee as prescribed in the Second Schedule.

(2) A licensee who intends to renew a licence shall, within a period of not less than one month but not earlier than three months before the date of the expiry of the licence, apply for the renewal.

(3) The Director may request the applicant to submit any additional document or information which at the time of submission of the application for renewal of licence.

(4) The Director may renew the licence or refuse to renew the licence and shall inform the applicant of its decision in writing.

(5) The Director may request the applicant to settle any payment to the Authority before granting the renewal.

Licence to be exhibited and produced

9. (1) A licensee shall exhibit the licence at all time at a conspicuous place at the licensed activity location and shall produce such licence if required to do so by the Director or authorized officer.

(2) A licensee who fails to exhibit or produce the licence under subregulation (1) commits an offence.

(3) For the purpose of this regulation, a reference to a “licence” shall include a duplicate copy of a licence certified by the Authority to be a true copy of the licence and shall be issued subject to payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

Change of information

10. (1) A licensee shall inform the Director in writing of any change in the information or particular submitted to the Director under regulation (4) within fourteen days from the date of the change.

(2) When a change of information or particulars is required to be made pursuant to subregulation (1), the licensee shall surrender the licence to the Authority to amend the information or particulars of the licence subject to the payment of fees as prescribed in the Second Schedule.

(3) A licensee who fails to comply with subregulation (1) commits an offence.

Licence not transferable

11. (1) A licence issued under these Regulations shall not be transferable unless permitted by the Director in writing and subject to the payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

(2) An application for the transfer of a licence shall be made in such form as determined by the Director.

(3) The Director may require the licensee to give any document or additional information as deemed necessary at the time the application is made.

(4) The Director may, after receiving an application for the transfer of the transfer of a licence, require the applicant or his representative who is authorized in writing by the applicant to appear on his behalf before the Director to be interviewed.

Licence deemed revoked

12. Licence issued under these Regulations is deemed to be revoked if the licensee—

- (a) the licensee becomes mentally incapacitated;
- (b) has been adjudged bankrupt;
- (c) dies;
- (d) in the case a company, is wound up; or
- (e) in the case of a partnerships, a cooperatives, trade union organizations or statutory bodies or any other legal entity as the case maybe, has been dissolved.

PART III

REVOCATION AND SUSPENSION OF LICENCE

Revocation and suspension of licence

13. (1) The Director may at any time, suspends or revokes a licence issued under these Regulations if there has been non-compliance of any provision of these Regulations or a breach of any condition or restriction of the licence without payment of compensation, and thereupon any deposit or security furnished under subregulation 5(3) may be forfeited to the Authority.

(2) Before a licence is revoked or suspended under subregulation (1), the Director shall inform the licensee in writing, the provision for which the licensee has contravened and the details of the circumstances of contravention and require the licensee to the make a representation in writing, within twenty one days, as to why his licence should not be revoked or suspended.

(3) If after considering the representation the Director is not satisfied or is of the opinion that the licensee has failed to show reasonable cause why his licence should not be revoked or suspended, the Director may revoke or suspend the licence as it deems fit.

(4) The Director shall inform the licensee within sixty days from the date of receipt of the representation of its decision in writing.

Sel. P.U. 113.

(5) A person who operates or manages the activity during the suspension or after the revocation of the licence commits an offence.

PART IV

FEES

Fees non refundable

14. Any fees paid under these Regulations shall not be refundable.

Deposit

15. (1) The deposit paid under subparagraph 5(3) shall be at such amount as determined by the Director.

(2) The Director may forfeit the deposit or security in whole or in part if the Director is satisfied there has been a breach of the conditions or restrictions of the licence or upon revocation of licence before the expiry date or contravention of any provisions under these Regulations.

(3) The licence shall be deemed to be cancelled upon forfeiture of such deposit or security, unless the Director on the application of the licensee allows the licence to continue to be in force subject to repayment of the deposit or security that has been forfeited.

(4) The deposit or security paid under subparagraph 5(3) shall, unless forfeited under subregulation (2), be refunded to the licensee after the licensee has ceased operating licenced activities and upon surrender of licence to the Director in the event that the licence has expired.

Recovery of fees

16. (1) If any fee payable under these Regulations remains unpaid after one month from the date on which such fee should have been paid, or if the fee which has been paid is less than the appropriate amount, the Director shall issue a notice requiring the defaulter to pay the amount due within fourteen days from the date of such notice.

(2) Any person who fails to comply with the requirement of such notice commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit and the court before which such person is convicted may, in addition to such fine, order such person to pay the amount of any fees due and remaining unpaid at the time of conviction, and any such amount so ordered to be paid may be recovered in accordance with the law relating to the recovery of fines; and any amount so recovered shall be remitted by the court to the Director.

(3) In any prosecution under this regulation, a certificate purporting to be signed by a Director stating that—

(a) on a date stated in the certificate a notice requiring the accused to pay such amount of fees due from him as stated in the certificate was duly issued in accordance with subregulation (1); and

(b) the accused had failed to comply with such requirement, shall be sufficient evidence of the facts stated therein.

Payment of licence fees

17. (1) The Director may, if he thinks fit and subject to these Regulations, grant any licence upon receipt of a cheque for the amount of the fee payable or upon any other mode of payment as may be prescribed by the Director.

(2) Where any cheque issued or other mode of payment made in respect of a licence fee is subsequently dishonoured, the licence shall be void as from the date when it was granted, and the Director, as the case may be, shall send to the person to whom the licence was issued, by a registered letter addressed to him to the address given by him, a notice requiring him to deliver up the licence to the Director, as the case may be, within a period of seven days from the date on which the notice was posted, and if that person fails to comply with such notice within that period commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

PART V

GENERAL

Register of license

18. (1) The Director shall, subject to the Enactment, keep the register of licence in a form as he thinks fit.

(2) A person may, upon payment of the prescribed fee in the Second Schedule—

(a) inspect any document filed or lodged with the Authority not being a document that has been destroyed or otherwise disposed of;

(b) require a copy of the licence issued under the Enactment; or

(c) require a copy or extract from any document which he is entitled to inspect pursuant to paragraph (a) or any licence referred to in paragraph (b) to be furnished or given and certified by the Director.

(3) If the reproduction of the document or license has been submitted for inspection, a person is not entitled pursuant to paragraph 2(a) to require production of document or the original license.

Sel. P.U. 113.

(4) A copy or extract from any document filed or lodged with the Authority certified true copy or extract under the hand of the Director shall in any proceedings be admissible in evidence as of equal validity with the original document.

Appeal

19. (1) Any person aggrieved with the Authority's refusal to grant a licence under regulation 5, may appeal in writing to the State Authority within fourteen days from the date of notice thereof is served.

(2) An appeal made under subregulation (1), shall be accompanied with payment of fee as stipulated in the Second Schedule.

(3) The decision of the State Authority on an appeal under these Regulations shall be final and cannot be questioned in any court.

Surrender of licence

20. (1) The licensee on any reasonable reason may surrender the licence by submitting the licence together with written notice of its intention to do so and that licence shall be revoked by the Director.

(2) Surrender and revocation of the licence shall take effect on the date the Director received the licence and the notice under subregulation (1) or on the date specified in the notice.

(3) The licensee shall not later than fourteen days after the surrender and revocation of the licence, paste a copy of the notice of surrender and revocation at the conspicuous place where the licenced activity operates.

Exemption

21. The Authority may with the approval of the State Authority exempt, upon such conditions as it deems fit, any public authority, person or class of persons, from the requirement to be licenced under the Enactment and these Regulations.

Temporary licence

22. (1) A temporary licence may, be issued to a person pending consideration by the Director on the application for a licence.

(2) The temporary licence issue under subregulation (1) shall be valid for the term not exceeding six month from the date issuance thereof.

(3) Subject to subregulation (5), a temporary licence may be given one time extended for not exceeding of six months upon written application by the applicant twenty one days before the expiry of the first six month.

(4) The validity of the temporary licence shall not exceed a term of twelve months from the date of the issuance.

(5) If the application for the licence is rejected by the Director, the temporary licence shall be immediately becomes invalid.

(6) Fee to be paid for the temporary or extension of the temporary licence shall not exceed the licence fee stipulated in the Third Schedule.

(7) The temporary licence holder shall have the same rights, duties, liabilities and obligations as the licensee under these Regulations.

Disqualification

23. No licence shall be issued—

- (a) to an applicant under the age of eighteen years;
- (b) to an applicant who, according to the record of the Authority, had been a holder of a licence but had his licence revoked due to non-compliance of any provision of the Enactment or these Regulations or breach of any condition or restriction of the licence; or
- (c) in respect of location which, in the opinion of the Director, are not suitable for operating a licenced activity.

Prohibition

24. No licensee shall—

- (a) infringe or permit infringement of or cause to have infringed any terms or conditions of his license; or
- (b) permits any conduct which will case nuisance or injury to the residents within the vicinity of the licensed activity.

False and misleading statement

25. Any person in any documents required by or for the purpose of these Regulations, makes or authorizes the making of a statement false or misleading in any material particular knowing it to be false or misleading or intentionally omits or authorizes the omission or accession of any matter or thing thereby making the document misleading in a material respect shall be guilty of an offence against these Regulations.

General penalty

26. Except as expressly provided in these Regulations, a person who—

- (a) does that which by or under these Regulations, he is forbidden to do;

Sel. P.U. 113.

- (b) does not do that which by under these Regulations, he is required or directed to do; or
- (c) contravenes or fails to comply with any provision of these Regulations,

commits an offence and may upon conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment not exceeding six months or to both.

Compounding of offences

27. (1) The Director or any other authorized person may compound any offence committed under these Regulations.

(2) All money received under these Regulations shall be paid to the Authority.

FIRST SCHEDULE
[Regulations 2 and 3]
ADMINISTERED ACTIVITIES

1. Abstraction of water
2. Emission or discharge of pollutants
3. Inland waterway navigation
4. Resource alteration activity
5. Water recreational activity
6. Diversion of waters to generate electricity
7. Other activities authorized by the Authority.

SECOND SCHEDULE
[Subregulations 4(4), 9(3), 10(2), 11(1) and 18(2)]
GENERAL FEE

Types of fees	Fees (RM)
1. Registration	150.00
2. Duplicate licence	50.00
3. Transfer	200.00
4. change of information	50.00

Types of fees	Fees (RM)
5. Search and inspection	10.00
6. Print out search	30.00
7. Appeal	500.00

THIRD SCHEDULE
[subregulation 22 (6)]
LICENCE FEES

Types of licences	Fees (RM)
1. Water Abstraction	200.00
2. Emission or discharge of pollutants	650.00
3. Inland waterway navigation:	
(a) Vessel weight 0-500 ton	500.00
(b) Vessel weight 501-1000 ton	1000.00
(c) Vessel weight 1001-2000 ton	2000.00
(d) Vessel weight 2001-3000 ton	3000.00
(e) Vessel weight 3001-4000 ton	4000.00
(f) Vessel weight 4001-5000 ton	5000.00

Made 1 October 2012
[LUAS Sel. 1008/2/5; P.U. Sel. Am 0073/11]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Clerk
State Executive Council
Selangor